

JPM hos bersama program dibiayai IRI pada 2015

Malaysiakini

8 Ogos 2018

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional di bawah Jabatan Perdana Menteri, bekerjasama dalam satu program yang dibiayai melalui Institut Republikan Antarabangsa (IRI) yang berpangkalan di Washington pada tahun 2015.

Program Fellowship Youth Unity National dianjurkan bersama oleh Institut Untuk Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (Ideas) dari Februari hingga September 2015.

Menurut sumber-sumber, IRI menyokong program itu dengan memperoleh geran AS\$375,000 (RM1.5 juta) dari National Endowment for Democracy (NED), yang ditaja oleh Kongres AS.

Bagaimanapun, tidak pasti sama ada IRI adalah satu-satunya sumber pembiayaan untuk program itu.

Program ini melibatkan latihan untuk 20 rakyat Malaysia antara umur 20 dan 30 dengan kemahiran dan pengetahuan untuk "memperjuangkan kesederhanaan dan perpaduan nasional".

Bahan promosi untuk program ini juga termasuk petikan dari mukadimah Rukunegara, yang berbunyi: "... menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden."

Sumber-sumber berkata peserta program mengambil bahagian dalam mesyuarat yang telah diatur dengan kumpulan berminat, pemimpin masyarakat dari pelbagai negeri, Mufti Perlis Datuk Asri Zainul Abidin dan ahli pentadbiran BN ketika itu.

Kemuncaknya ialah persidangan kebangsaan mengenai perpaduan yang diadakan di Institut Integriti Malaysia pada 16 Sept 2015, dengan ucap tama oleh Ahli Parlimen BN Gua Musang Tengku Razaleigh Hamzah.

Sumber yang dengan dengan institut itu bagaimanapun memberitahu mereka tidak terlibat dengan penganjuran acara itu dan hanya menyewakan tempat.

Mengikut pangkalan data NED, matlamat program ini adalah untuk mengajarkan idea-idea dan nilai-nilai demokrasi.

"(Program ini adalah untuk memperkasakan belia Malaysia untuk menyertai proses politik, program ini akan menyokong rakan kongsi masyarakat tempatan untuk melancarkan stesen radio percuma berasaskan internet yang

menyediakan kepada pelajar universiti dengan pandangan yang berpengetahuan dan pluralistik mengenai isu politik yang menyentuh masa depan mereka.

"Pada masa yang sama, program ini akan menyokong program fellowship belia di mana para peserta akan terlibat dengan pemimpin kebangsaan dan subnasional mengenai isu-isu integrasi nasional dan belajar bagaimana untuk menguatkan institusi dan norma demokrasi," kata laman web NED.

IRI kini menarik pemerhatian umum selepas Presidennya Daniel Twining memberitahu forum 11 Julai di Washington bahawa kumpulannya telah berusaha "mengukuhkan" parti pembangkang Malaysia sejak tahun 2002.

Umno mengambil ini sebagai tanda bukti campurtangan asing dalam hal ehwal Malaysia dan meminta siasatan dijalankan.

Bagaimanapun, pemimpin PKR yang mengakui berinteraksi dengan pegawai IRI menyatakan bahawa mereka bebas daripada pengaruh IRI dan menegaskan bahawa beberapa bekas parti komponen BN turut terlibat dengan IRI.

IRI sendiri telah menafikan bahawa gerak kerja itu direka untuk menjejaskan BN ketika ia berkuasa, dan menekankan bahawa mereka juga bekerjasama dengan bekas parti gabungan pemerintah itu untuk mempromosikan demokrasi.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malaysiakini.com/news/437903>